

13.0 PROGRAM KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PEMASARAN (KIP)

13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 Program Infrastruktur Pemasaran (PIP) telah bermula pada RMKe-10. Program ini ditambahbaik kepada Program Kemudahan Infrastruktur Pemasaran (KIP) bermula RMKe-12.

13.1.2 Komponen di bawah Program KIP adalah terdiri daripada :

- a) Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP) seperti berikut :
 - i) Pusat Timbang dan Stor (PTS)
 - ii) Depo Pengumpulan Skrap (DPS)
 - iii) Depo Pengumpulan Lateks (DPL)
 - iv) Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB)
- b) Bantuan Operasi DPL secara Geran Padanan (GP)
- c) Prasarana Ladang (PL)
- d) Insentif Pengeluaran Getah Berkelompok (IPGB)

13.2 OBJEKTIF

13.2.1 Menyediakan infrastruktur pemasaran bagi membolehkan pekebun kecil menjalankan aktiviti pemasaran secara berkelompok untuk memendekkan rantaian pemasaran dan mendapat harga yang terbaik.

13.2.2 Membantu AJK DPL membuat belian lateks melalui Bantuan Operasi DPL Secara Geran Padanan (GP) supaya pekebun kecil mendapat pendapatan secara harian.

13.2.3 Mewujudkan tenaga kerja tempatan terlatih dan mahir (Operator Getah) bagi menampung keperluan industri getah dengan persekitaran kerja dan upah yang menarik.

13.3 FAEDAH PENUBUHAN

Pelaksanaan KIP dijangka dapat memberi impak kepada pekebun kecil seperti berikut :

- a) Menggalakkan pekebun kecil menjalankan aktiviti pemasaran secara berkelompok untuk memendekkan rangkaian pemasaran.
- b) Memperolehi harga yang terbaik di peringkat ladang.
- c) Menambahkan bilangan usahawan terlibat dalam industri pemasaran getah / agrikomoditi / agrokomoditi dalam kalangan pekebun kecil.

13.4 TERMA YANG DIGUNAKAN

15.4.1 Jadual 23 : Terma Program KIP

ITEM	PTS/ DPS/ DPL/ PMGB	PL	GP	IPGB
NAMA PROGRAM	KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PEMASARAN			
KOD OBJEK	R4400000			
NAMA AKTIVITI	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PEMASARAN (PIP)	PRASARANA LADANG (PL)	BANTUAN OPERASI DPL SECARA GERAN PADANAN (GP)	INSENTIF PENGELUARAN GETAH BERKELOMPOK (IPGB)
KOD AKTIVITI	030401	034101	030404	030405
NAMA RINGKASAN PROGRAM	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PEMASARAN (PIP)	PRASARANA LADANG (PL)	GERAN PADANAN (GP)	INSENTIF PENGELUARAN GETAH BERKELOMPOK (IPGB)

13.5 KOMPONEN KIP

13.5.1 Jenis dan komponen KIP adalah seperti di *Jadual 24* di bawah :

Jadual 24 : Jenis dan Komponen KIP

JENIS	KOMPONEN	LAMPI RAN
Pusat Timbang dan Stor (PTS)	Sebuah bangunan yang dilengkapi dengan sebuah pejabat, stor input pertanian, tandas, jambatan timbang, lantai konkrit, pagar, sistem paip dan saliran, pendawaian dan perkakasan elektrik, papan tanda premis serta peralatan yang berkaitan.	29
Depo Pengumpulan Skrap (DPS)	Sebuah bangunan yang dilengkapi dengan lantai konkrit, stor, tandas, sistem paip dan saliran, pendawaian dan perkakasan elektrik, penimbang digital berkomputer, papan tanda premis, serta peralatan yang berkaitan.	30
Depo Pengumpulan Lateks (DPL)	Sebuah bangunan yang dilengkapi dengan lantai konkrit, stor, tangki lateks, tandas, sistem paip dan saliran, pendawaian dan perkakasan elektrik, penimbang digital berkomputer, papan tanda premis, serta peralatan yang berkaitan.	31
Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB)	Sebuah bangunan yang dilengkapi dengan lantai konkrit, stor, tandas, sistem paip dan saliran, pendawaian dan perkakasan elektrik, penimbang digital berkomputer, set mesin penggelek, takung getah, tempat menyidai, papan tanda premis serta peralatan yang berkaitan.	32
Prasarana Ladang (PL)	Merujuk Garis Panduan Prasarana Asas Pertanian (PAP) yang berkuatkuasa.	
Bantuan Operasi DPL Secara Geran Padanan (GP)	Pemberian bantuan kewangan one-off secara Geran Padanan kepada AJK Depo yang mengoperasikan pemasaran Lateks di DPL atau DPS sahaja.	
Insentif Pengeluaran Getah Berkelompok (IPGB)	Insentif upah tenaga kerja operator getah kepada pekerja warganegara di bawah KRH/KPK/AJK.	

13.5.2 Reka bentuk dan spesifikasi bagi infrastruktur dan komponen yang terlibat adalah seperti yang telah diluluskan oleh RISDA.

13.5.3 Sebarang pengubahsuaian ke atas reka bentuk dan spesifikasi tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Pengarah Bahagian Produktiviti dan Pemasaran dan tertakluk kepada kadar peruntukan yang diluluskan.

15.6 SYARAT PERMOHONAN

15.6.1 Syarat-syarat permohonan KIP adalah seperti berikut :

- i) **Permohonan** oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Pemasaran Berkelompok PTS/ DPS/ DPL/ PMGB, Kumpulan RISDA Holding (KRH), Koperasi Pekebun Kecil (KPK), AJK Tanam Semula Berkelompok (TSB) atau mana-mana pihak yang diluluskan oleh Pengarah Bahagian Produktiviti dan Pemasaran.
- ii) **Pengurusan** dan pengoperasian PTS/ DPS/ DPL/ PMGB dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Pemasaran Berkelompok PTS/ DPS/ DPL/ PMGB, Kumpulan RISDA Holding (KRH), Koperasi Pekebun Kecil (KPK) atau AJK Tanam Semula Berkelompok (TSB) atau mana-mana pihak yang diluluskan oleh Pengarah Bahagian Produktiviti dan Pemasaran.
- iii) **Pengoperasian** di DPS adalah pemasaran berkelompok secara tender manakala di DPL adalah pemasaran berkelompok secara jualan terus ke kilang.
- iv) Permohonan **Prasarana Ladang (PL)** adalah merujuk Garis Panduan Prasarana Asas Pertanian (PAP) yang berkuatkuasa dengan **keutamaan** bagi kawasan kebun getah matang yang terlibat dengan pemasaran secara berkelompok.

- v) Permohonan **Bantuan Operasi Pemasaran Lateks Secara Geran Padanan (GP)** hanya layak dipohon oleh AJK Depo RISDA yang mempunyai operasi belian lateks sahaja dan baki akaun AJK tersebut mestilah tidak kurang daripada RM5,000.

- vi) Permohonan **Insentif Pengeluaran Getah Berkelompok (IPGB):**
 - 1. Memiliki Sijil Kemahiran Operator Getah yang diiktiraf oleh RISDA; dan
 - 2. Bekerja dengan KRH/ KPK/ AJK Depo RISDA sebagai Operator Getah dan menjual lateks; atau
 - 3. Bekerja dengan KRH/ KPK/ AJK Depo RISDA sebagai Operator Getah di Depo RISDA yang melaksanakan jualan getah skrap secara berkelompok.

- vii) Mempunyai lesen urusniaga getah atau sawit yang mana berkaitan.

- viii) Memiliki keperluan logistik seperti lori atau pacuan empat roda bagi permohonan PTS.

15.6.2 Ketersediaan sumber bekalan adalah seperti di *Jadual 25* di bawah :

Jadual 25: Keperluan dan Kriteria Pembinaan Infrastruktur

J

BIL	PERKARA	PTS		DPS/ DPL/ PMGB
		GETAH	SAWIT	
1	Sumber bahan mentah	240 MT/Bulan (Basah)	500 MT/Bulan (BTS)	12 MT/Bulan (Basah)
ATAU				
2	Keluasan kawasan getah	1000 Hek	350 Hek	50 Hek
DAN				
3	Sumber elektrik	100 Amp, 3 fasa	100 Amp, 3 fasa	-
4	Sumber air	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi
5	Lesen	* Syarat dan keperluan lesen untuk getah dan sawit merujuk kepada perubahan terkini oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Malaysian Palm Oil Board (MPOB)		
6	Kelulusan i. Jabatan Alam Sekitar Negeri ii. Pihak Berkuasa Tempatan iii. Pejabat Kesihatan iv. Bomba	√ √ √ √	√ √ √ √	

15.6.3 Pemilihan tapak perlu dikenalpasti terlebih dahulu oleh Pejabat RISDA egeri (PRN)/Pejabat RISDA Daerah (PRD)/Pejabat RISDA Jajahan (PRJ)/Pejabat RISDA Bahagian (PRB). Tapak pembinaan mestilah seperti berikut :

- i) Tanah sendiri; atau
- ii) Sewa; atau
- iii) Tanah kerajaan yang diluluskan; atau
- iv) Tanah wakaf yang diluluskan.

- 15.6.4 Kedudukan tapak premis bagi PTS/ DPS/ DPL dan PMGB tidak kurang 100 meter daripada kawasan sensitif seperti berikut :
- i) Tidak berdekatan dengan mana-mana sumber air.
 - ii) Tempat awam seperti kawasan perumahan, sekolah dan pusat latihan, masjid, kedai, klinik dan sebagainya.
- 15.6.5 Kedudukan tapak premis bagi PTS dan DPS/DPL melebihi radius 6.4 kilometer daripada sempadan FELDA.
- 15.6.6 Perkara 15.6.4 dan 15.6.5 adalah tertakluk kepada garis panduan semasa yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen kebenaran beroperasi.

15.7 KADAR BANTUAN

- 15.7.1 Peruntukan bagi pembinaan KIP adalah seperti di *Jadual 26* di bawah :

Jadual 26 : Jenis Dan Kadar Bantuan / Bina Baru

Jenis	Kadar/Unit (RM)
Pusat Timbang Stor (PTS)	290,000
Depo Pengumpulan Skrap (DPS)	43,000
Depo Pengumpulan Lateks (DPL)	50,000
Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB)	60,000
Prasarana Ladang (PL)	Merujuk Garis Panduan Prasarana Asas Pertanian (PAP) yang berkuatkuasa.
Bantuan Operasi DPL Secara Geran Padanan (GP)	5,000 (one-off)
Insentif Pengeluaran Getah Berkelompok (IPGB)	Lateks : RM 3,600 (RM 300 x 12 bulan)
	Skrap Berkelompok : RM 1,800 (RM 300 x 6 bulan)

15.7.2 Sekiranya kos pembinaan melebihi daripada peruntukan yang diluluskan, perbezaan ini hendaklah ditanggung oleh pihak pemohon.

15.8 PERLUASAN SKOP

15.8.1 Baik pulih dan tambah baik PTS, DPS, DPL dan PMGB

i) Peruntukan bagi baik pulih dan tambah baik adalah seperti di *Jadual 27* di bawah :

Jadual 27 : Jenis dan Kadar Baik Pulih/ Tambah Baik

Jenis	Kos/Unit (RM)
Pusat Timbang Stor (PTS)	50,000
Depo Pengumpulan Skrap (DPS)	15,000
Depo Pengumpulan Lateks (DPL)	15,000
Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB)	15,000

ii) Skop penambahbaikan ini dibenarkan bertujuan untuk baik pulih dan tambah baik PTS, DPS, DPL dan PMGB sedia ada yang mengalami kerosakan atau bagi meningkatkan kapasiti urusaniaga di sesuatu PTS, DPS, DPL dan PMGB tertakluk kepada peruntukan maksimum seperti di *Jadual 26*.

15.8.2 Komponen baik pulih dan tambah baik adalah seperti di *Jadual 28* di bawah :

Jadual 28: Jenis dan Komponen Baik Pulih dan Tambah Baik Infrastruktur

JENIS	KOMPONEN
Pusat Timbang dan Stor (PTS)	Baik pulih bangunan sedia ada, pagar, sistem saliran, jambatan timbang, stor input pertanian, pondok pengawal, platform, serta komponen yang berkaitan bagi tujuan meningkatkan kapasiti urusniaga.
Depo Pengumpulan Skrap (DPS)	Baik pulih bangunan sedia ada, sistem saliran, platform serta komponen yang berkaitan bagi tujuan meningkatkan kapasiti urusniaga.
Depo Pengumpulan Lateks (DPL)	Baik pulih bangunan sedia ada, sistem saliran, platform, tangki lateks, peralatan pengumpulan lateks serta komponen yang berkaitan bagi tujuan meningkatkan kapasiti urusniaga.
Depo Memproses Getah berkelompok (PMGB)	Baik pulih bangunan sedia ada, sistem saliran, platform serta komponen yang berkaitan bagi tujuan meningkatkan kapasiti urusniaga.

15.9 TATACARA PELAKSANAAN

- 15.9.1 Permohonan PTS hendaklah menggunakan sistem e-SRM / Borang **KIP-01A** (*Lampiran 21A*) dan Permohonan DPL / DPS / PMGB hendaklah dibuat menggunakan e-SRM / Borang **KIP-01B** (*Lampiran 21B*) beserta kertas kerja manakala permohonan GP menggunakan Borang **KIP-01C**.
- 15.9.2 Bagi pelaksanaan program ini Ketua Pusat Tanggungjawab perlu memastikan semua depo pengumpulan skrap/lateks yang masih aktif didaftarkan di dalam sistem e-SRM. Manakala, semua permohonan pembinaan baru depo pengumpulan skrap/lateks hendaklah dibuat melalui sistem e-SRM.
- 15.9.3 Kertas kerja yang lengkap perlu mengandungi maklumat berikut :
- i) Maklumat pemohon dan pengusaha, lokasi projek, luas kebun dan bilangan pekebun kecil sekitar yang berpotensi membekalkan sumber bahan mentah dan maklumat keperluan/kriteria permohonan infrastruktur (Rujuk Jadual 20).
 - ii) Salinan geran tanah, perjanjian kebenaran menggunakan borang **KIP-02A** (*Lampiran 22A*) / perjanjian sewa tanah menggunakan borang **KIP-02B** (*Lampiran 22B*).
 - iii) Salinan lesen jual beli getah daripada Lembaga Getah Malaysia (LGM) atau Salinan lesen jual beli sawit daripada Malaysian Palm Oil Board (MPOB).
 - iv) Salinan Surat Perjanjian Operasi PTS, DPS/DPL dan PMGB **KIP-03** seperti di *Lampiran 23*.
 - v) Aliran tunai projek.

15.9.3 **Permohonan Bantuan Operasi Pemasaran Lateks Secara Geran Padanan (GP)** hendaklah menggunakan sistem e-SRM / Borang KIP-01C seperti di Lampiran 21C – KIP-01C dan mengemukakan salinan **penyata akaun AJK** yang terkini.

15.9.4 Permohonan Insentif Pengeluaran Getah Berkelompok (IPGB) hendaklah menggunakan sistem e-SRM / Borang KIP-01D seperti di Lampiran 21D (Borang disedia dan dicetak sendiri oleh Pusat Tanggungjawab) dan disertakan dengan :

- a) Salinan kad pengenalan Operator Getah ; dan
- b) Salinan Sijil Kemahiran Operator Getah (Rubber Operator)

15.9.5 **Permohonan Prasarana Ladang** hendaklah menggunakan sistem e-SRM / merujuk kepada Garis Panduan Prasarana Asas Pertanian (PAP) yang masih berkuatkuasa.

15.9.6 Carta Aliran pelaksanaan program adalah seperti di Lampiran 24.

15.10 **KELULUSAN PERMOHONAN**

15.10.1 Bina baru, Baik Pulih, Tambah Baik dan Pelupusan **Pusat Timbang dan Stor (PTS)** :

- i) Permohonan yang lengkap perlu diperakukan dan disokong oleh Pengarah RISDA Negeri dan dimajukan ke Bahagian Produktiviti dan Pemasaran untuk dibawa ke Mesyuarat **Jawatankuasa Kelulusan Khidmat Infrastruktur Pemasaran (JKKIP) di peringkat Ibu Pejabat.**
- ii) Status permohonan akan dimaklumkan secara bertulis oleh Bahagian Produktiviti dan Pemasaran kepada PRN dengan salinan kepada Bahagian Khidmat Kejuruteraan, PRD/PRJ/PRB dan pemohon yang berkenaan.

iii) **Ahli Jawatankuasa Kelulusan Khidmat Infrastruktur Pemasaran (JKKIP)** di peringkat Ibu Pejabat adalah terdiri daripada ;

- a) Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan (Pengerusi).
- b) Pengarah Bahagian Produktiviti dan Pemasaran (Setiausaha).
- c) Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik.
- d) Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan.
- e) Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi.
- f) Pengarah Bahagian Program Khas
- g) Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan
- h) Pengarah Bahagian Bekalan Input Pertanian
- i) Pengarah Bahagian Khidmat Kejuruteraan

iv) Mesyuarat boleh dilaksanakan dengan kehadiran sekurang-kurangnya ;

- i) Pengerusi ; dan
- ii) Setiausaha ; dan
- iii) Tiga orang ahli

15.10.2 Bina Baru, Baik Pulih, Tambah Baik, Pelupusan **DPS/DPL/PMGB** dan kelulusan **GP / IPGB** :

- i) Permohonan yang lengkap perlu diperakukan dan disokong oleh PRD/PRJ/PRB dan diluluskan oleh **Jawatankuasa Kelulusan Khidmat Infrastruktur Pemasaran (JKKIP) di peringkat Negeri**.
- ii) Permohonan yang telah diluluskan hendaklah dimaklumkan kepada PRD/PRJ/PRB secara bertulis dengan salinan kepada Bahagian Produktiviti dan Pemasaran dan pemohon yang berkenaan.

- iii) **Ahli Jawatankuasa Kelulusan Khidmat Infrastruktur Pemasaran (JKKIP)** di peringkat Negeri adalah terdiri daripada:
 - a) Pengarah RISDA Negeri (Pengerusi).
 - b) Timbalan Pengarah RISDA Negeri
 - c) Ketua Unit Produktiviti dan Pemasaran Negeri (Setiausaha).
 - d) PRD/PRJ/PRB yang berkenaan.
 - e) Ketua Unit Kejuruteraan Negeri.
 - f) Ketua Unit Pengembangan dan Pemindahan Teknologi Negeri.

- iv) Timbalan Pengarah RISDA Negeri boleh mempengerusikan mesyuarat, sekiranya Pengarah RISDA Negeri tidak dapat mempengerusikan mesyuarat tersebut.

15.10.3 Bagi permohonan baru PTS / DPS / DPL / PMGB melalui sistem e-SRM, pengguna boleh membuat semakan status permohonan dan kemajuan kerja pembinaan di dalam sistem e-SRM.

15.11 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN

15.11.1 Lawatan penyeliaan teknikal semasa dalam pembinaan akan dibuat oleh pegawai dari Unit Khidmat Kejuruteraan bersama Unit Produktiviti dan Pemasaran Negeri dan Daerah. Tujuan lawatan ini adalah untuk memastikan pembinaan mengikut jadual, reka bentuk dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

15.11.2 Lawatan penyeliaan teknikal akan dibuat oleh pegawai dari Bahagian Khidmat Kejuruteraan (BKJ) bersama Bahagian Produktiviti dan Pemasaran (BPP) **jika perlu**.

- 15.11.3 Surat Perjanjian Operasi PTS, DPS/DPL Dan PMGB merupakan perjanjian di antara RISDA dan Pemohon **KIP-03** seperti di *Lampiran 23* hendaklah disediakan, ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan dimatikan setem setelah permohonan diluluskan dalam tempoh 1 bulan.
- 15.11.4 Salinan bagi dokumen perjanjian tersebut perlu dimajukan kepada Pejabat RISDA Negeri dan Bahagian Produktiviti dan Pemasaran Ibu Pejabat.
- 15.11.5 Setelah siap pembinaan PRN/PRD/PRJ/PRB dikehendaki membuat penyerahan PTS/DPS/DPL/PMGB kepada Pemohon dengan melengkapkan borang **KIP-04** (*Lampiran 25*).

15.12 PROSEDUR KEWANGAN

- a) Proses perolehan bagi PTS/ DPS/DPL/PMGB/PL akan disediakan dan diuruskan oleh pihak PRN/PRD/PRJ/PRB merujuk kepada had kuasa dan tatacara perolehan RISDA sedia ada.
- b) Bantuan Operasi Pemasaran Lateks secara Geran Padanan DPL (GP) akan dikreditkan terus ke akaun KRH / KPK / AJK Depo setelah diluluskan.
- c) Insentif Pengeluaran Getah Berkelompok (IPGB) akan dikreditkan terus ke akaun KRH/ KPK/ AJK Depo setelah diluluskan untuk dibayar kepada Operator Getah berkenaan.

15.13 PELAPORAN

- a) Laporan kemajuan pembangunan dan perbelanjaan KIP hendaklah menggunakan laporan e-SRM / **KIP-05** seperti di *Lampiran 26*. Jika menggunakan sistem e-SRM maka para 15.13(a) hingga 15.13(f) tidak berkaitan.
- b) Laporan pemantauan operasi PTS hendaklah menggunakan laporan **KIP-06A** (*Lampiran 27A*).
- c) Laporan pemantauan operasi DPS Pemasaran Berkelompok Secara Tender hendaklah menggunakan laporan **KIP-06B** (*Lampiran 27B*) dan laporan operasi DPL Berkelompok menggunakan laporan **KIP-06C** (*Lampiran 27C*).
- d) Laporan **Bantuan Operasi Pemasaran Lateks Secara Geran Padanan (GP)** hendaklah menggunakan laporan **KIP-07** (*Lampiran 28*).
- e) PRD/PRJ/PRB perlu memajukan laporan **KIP-05, KIP-06A, KIP-06B, KIP-06C** dan **KIP-07** ke PRN **sebelum atau pada 3hb. bulan berikutnya.**
- f) PRN perlu memajukan laporan **KIP-05, KIP-06A, KIP-06B, KIP-06C** dan **KIP-07** ke Bahagian Produktiviti dan Pemasaran (BPP) **sebelum atau pada 5hb. bulan berikutnya.**

14.0 PENUTUP

Adalah diharapkan Garis Panduan Hala Tuju Pelaksanaan Program Getah Matang RMKe-12 dapat membantu Ketua Pusat Tanggungjawab melaksanakan program ini dengan cekap dan berkesan supaya objektif program ini dapat dicapai sepenuhnya.

Dengan pelaksanaan Program Getah Matang ini ianya dapat meningkatkan produktiviti getah ke arah 1,800 kg/hek/tahun seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil sekurang-kurangnya 30% melalui penghasilan lateks. Peningkatan produktiviti getah akan meningkatkan pengeluaran getah negara serta memenuhi keperluan industri negara berasaskan lateks.

Bahagian Produktiviti dan Pemasaran RISDA